

**Pakatan jemput BN sertai kempen selamat Malaysia daripada pengkhianat
Malaysian Insider
Feb 25, 2014
OLEH MOHD FARHAN DARWIS**

Pakatan Rakyat (PR) hari ini menjemput Barisan Nasional (BN) menyertai mereka dalam kempen menyelamatkan Malaysia daripada pengkhianat yang mahu menghancurkan negara ini, kata Lim Kit Siang.

Penasihat DAP itu berkata, pengkhianat berkenaan cuba menghancurkan Malaysia melalui beberapa cara termasuk menyemai kebencian agama dengan penipuan dan pembohongan.

"Sebab itu kepimpinan kebangsaan PR menghulurkan tangan kepada perdana menteri dan BN bersama-sama dalam himpunan pemimpin BN-PR menerusi semangat kebangsaan dan rekonsiliasi nasional untuk selamat Malaysia daripada kekacauan agama," kata Lim dalam ucapannya di Johor, malam tadi.

Lim berkata, PR sehingga kini masih lagi menanti maklum balas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berhubung perkara itu.

"Hanya sekumpulan kecil yang tidak bertanggungjawab dan menjadi pengkhianat dengan cubaan mencetuskan ketegangan agama," kata ahli Parlimen Gelang Patah itu.

Beliau berkata, DAP menjadi sasaran pelbagai pihak dalam kempen sedemikian, termasuk pemimpin mereka dikaitkan dengan beberapa isu berkaitan agama.

Malaysia selepas Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) sejak sembilan bulan lalu melalui waktu yang paling berbahaya.

"Apa yang lebih bahaya adalah kerajaan dilihat gagal untuk menggunakan kuasa atau kehendak politik untuk memartabatkan Perlembagaan," katanya.

Lim berkata, beliau percaya bukan setakat parti komponen PR yang mahukan keamanan, tetapi semua parti komponen BN.

"Cubaan sedemikian adalah untuk mencetuskan kesangsian dan gambaran palsu terhadap Islam," katanya.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-jemput-bn-sertai-kempen-selamat-malaysia-daripada-pengkhianat>